

29/10/1998

Pasaran gelap urus niaga ringgit diawasi

report on "Dewan Rakyat" by Ahmad Ghazali Musa; Wan Hazmir Bakar
KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan sedang mengawasi dengan rapi kegiatan pasaran gelap urus niaga ringgit berikutan maklum balas yang diterima daripada orang ramai, kata Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Afiffuddin Omar.

Beliau berkata, Bank Negara akan membuat pemeriksaan berterusan ke atas pengurup wang yang disyaki menyorok mata wang asing atau menjualnya bukan pada kadar yang ditetapkan, iaitu RM3.80 bagi setiap dolar Amerika.

"Pemeriksaan terhadap pengurup yang tidak berlesen juga dilakukan dan pada 15 Oktober lalu beberapa kes dikesan dan penyiasatan lanjut sedang dilakukan," katanya menjawab soalan Wong Kam Hoong (BN-Bayan Baru) di Dewan Rakyat, hari ini.

Menurut Dr Afiffuddin, pasaran gelap sesuatu mata wang biasanya berlaku berikutan kekurangan mata wang berkenaan untuk memenuhi permintaan.

"Memang pada awal ketika menjalankan dasar kewangan yang baru, negara mengalami sedikit kekurangan dolar Amerika yang disebabkan oleh penyorokan dan kegiatan spekulator dalam.

"Namun, Bank Negara sudah mengeluarkan AS\$20 juta dolar pada peringkat awal dan sekarang tiada masalah lagi," jelas beliau menjawab soalan tambahan Abdul Hamid Abdul Rahman (BN-Sungai Benut).

Beliau juga yakin mata wang asing akan menjadi lebih banyak di negara ini apabila perniagaan dengan dunia luar menunjukkan peningkatan.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika membentangkan Belanjawan 1999, baru-baru ini, menjelaskan akaun perdagangan negara mengalami lebih RM23 bilion.

"Oleh itu, saya yakin lebih banyak dolar Amerika kini sudah memasuki negara ini," katanya yang juga percaya bahawa kegiatan pasaran gelap akan berkubur dengan sendiri.

Menjawab soalan tambahan Kula Segaran (DAP-Teluk Intan) pula, Dr Afiffuddin menjelaskan kaedah Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) yang diguna pakai dulu tidak berkesan memulihkan ekonomi kerana pendekatan utama IMF ialah untuk mengawal inflasi.

Beliau berkata, sedangkan masalah di Malaysia ialah ancaman terhadap sistem perbankan dan kewangan terlalu besar menyebabkan kerajaan mengambil pendekatan menyelamatkan sektor berkenaan terlebih dahulu dengan memasukkan wang yang banyak ke dalam sistem kewangan.

"Pada awal tahun ini contohnya negara mempunyai kredit geran yang cukup teruk sehingga sektor perbankan tidak berpeluang memberi pinjaman kepada peniaga," katanya.

Afiffuddin menjelaskan jika Malaysia mahu mempertahankan pembangunannya, ia perlu membahagikan sebahagian tanggungjawab pembangunan itu kepada sektor swasta.

"Justeru apabila sektor swasta dalam keadaan tenat, kerajaan perlu menyelamatkan mereka dengan cara menyelamatkan sektor perbankan. Jadi inilah yang dilakukan sekarang," katanya.

Mengenai inflasi, beliau berkata, mungkin dengan adanya wang yang banyak akan berlaku inflasi.

"Kerajaan memang akur keadaan ini dan sudah mengambil langkah untuk menangani masalah itu. Contohnya banyak bantuan diberi kepada usahawan sebagai satu cara mengatasi persoalan inflasi ini," katanya.

Beliau memberi jaminan, kerajaan menerusi beberapa kementerian akan mengawal kadar inflasi supaya rakyat tidak menanggung beban.

Pada soalan awal, beliau berkata, sebanyak RM100 juta diperuntukkan bagi beberapa skim bantuan modal menerusi program Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Tabung Usahawan Kecil (TUK).

Tidak setakat itu, kerajaan juga menyediakan peruntukan sebanyak RM150 juta bagi Tabung Ekonomi Usaha Niaga serta mempertingkatkan saiz dana bagi membantu peniaga dan penjaja kecil termasuk dana usahawan baru sebanyak RM1.25 bilion.

"Kerajaan yakin semua langkah itu sudah pasti akan membantu golongan peniaga khususnya yang terjejas akibat krisis kewangan," katanya.

(END)